

**Dr Mahathir Terima Anugerah Habitat-Rafik Hariri PBB 2012**  
**Bernama**  
**28 September, 2012**  
**Oleh Nani Rahayu Yusof**

NEW YORK, 28 Sept (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad tiba di sini untuk menerima anugerah Habitat-Rafik Hariri Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 2012, yang dijangka disampaikan pada Jumaat.

Beliau diiringi isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir, 87, dinamakan pemenang anugerah itu pada Jun lepas oleh jawatankuasa pemandu anugerah sebagai mengiktiraf kepimpinan, negarawan dan tadbir urus yang baik.

Anugerah itu dinamakan sempena bekas perdana menteri Lubnan, Allahyarham Rafik Hariri, ditubuhkan oleh keluarga Hariri dan inisiatif bersama Habitat PBB melalui Yayasan Rafik Hariri pada Mac 2009.

Anugerah dibuka kepada individu, organisasi atau institusi seluruh dunia di atas pencapaian dalam bidang kepimpinan, negarawan, tadbir urus yang baik; pembinaan dan pembinaan semula penempatan dan komuniti, pembangunan sumber manusia; dan aktiviti kebajikan memerangi kemiskinan bandar dan pelaksanaan Agenda Habitat.

Pemenang anugerah sebelum ini ialah Perdana Menteri Turki Recep Tayyip Erdogan, yang juga diiktiraf bagi kategori kepimpinan, negarawan dan tadbir urus baik, terutama sewaktu menjawat jawatan Datuk Bandar Istanbul pada pertengahan 1990-an apabila beliau menganjurkan Persidangan Kedua PBB tentang Penempatan Manusia. Ia membawa kepada penubuhan Habitat PBB, beroperasi sepenuhnya di bawah program PBB yang ditugaskan menggalakkan menyediakan perlindungan untuk semua.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: [www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697954](http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697954)